

**Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.5(7)**  
**Tarikh : 12 Januari 2023**

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TANPA PERUNTUKAN TAHUN 2023  
MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMAS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sila muat turun lampiran dibawah untuk maklumat selanjutnya.

**UNIT GAJI**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**NEGERI PERAK**

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.5(7)

Tarikh : 12 Januari 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TANPA PERUNTUKAN TAHUN 2023 MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, **sekatan overbajet OS17000 akan dibuka mulai 13 Januari sehingga 27 Januari 2023** bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) di iGFMS. Sebagai peringatan, Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) disemak dengan teliti agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan bayaran BKK tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sila pastikan penggunaan kod akaun adalah betul dan tepat bagi pembayaran BKK ini dengan merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2022 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023.

3. Sila nyatakan nombor rujukan buletin ini dan tarikh Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) di ruangan Perihal Bayaran semasa menyediakan Arahan Pembayaran (K2) iGFMS ini. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**